

**Jauhi Diri Daripada Amalan Bertentangan Islam Semasa Ramadan - Sultan Mizan  
Bernama  
18 Julai, 2012**

KUALA TERENGGANU, 18 Julai (Bernama) -- Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin bertitah menyeru umat Islam di negeri ini agar lebih menghormati dan memuliakan kedatangan Ramadan dengan menjauhkan diri daripada amalan yang bertentangan dengan Islam serta meningkatkan ketaqwaan agar tergolong sebagai orang yang diredai.

Titah baginda sambil meningkatkan amalan mulia, golongan yang kurang bernasib baik tidak seharusnya dilupakan dengan dibantu menerusi amalan bersedekah dan memberi makan kepada orang berbuka berpuasa.

"Beta mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua rakyat beta yang beragama Islam supaya menggunakan peluang yang dianugerahkan oleh Allah sepanjang bulan Ramadan untuk melipatgandakan usaha dan amalan ibadah kepadanya.

"Bulan anugerah Allah ini hanya datang setahun sekali. Penuhilah ruang dan masa dengan melakukan perkara kebaikan kerana mungkin ini merupakan tahun terakhir bagi kita merasai rahmat Ramadan," titah baginda.

Baginda bertitah demikian dalam perutusan menjelang ketibaan Ramadan Al-Mubarak di sini pada Rabu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681637>

